

**REPRESENTASI MUSUH ISLAM DALAM PUISI KA'AB BIN
MALIK: ANALISIS TEMATIK DAN RETORIK DALAM KONTEKS
SIRAH NABAWIYYAH**

***THE REPRESENTATION OF ISLAM'S ENEMIES IN THE POETRY
OF KA'AB IBN MALIK: A THEMATIC AND RHETORICAL ANALYSIS
WITHIN THE CONTEXT OF SIRAH NABAWIYYAH***

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal*

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Anwar Muttaqin

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: nuruliman@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mohamad Anuar Kamal, N. I., Abul Hassan Ashari, M. Z. & Muttaqin, A. (2026). Representasi Musuh Islam dalam Puisi Ka'Ab Bin Malik: Analisis Tematik dan Retorik dalam Konteks Sirah Nabawiyah. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 121-134.

ABSTRAK

Puisi Arab awal tidak hanya berperanan sebagai karya estetik, tetapi juga sebagai medium dakwah dan perjuangan Islam. Dalam konteks ini, Ka'ab bin Mālik tampil sebagai penyair sahabat yang menzahirkan semangat perjuangan umat Islam serta menggambarkan permusuhan terhadap Nabi Muhammad SAW. Tema 'musuh Islam' dalam puisinya mencerminkan konflik akidah dan sosial yang mewarnai zaman awal dakwah Islam. Walaupun kajian sastera Islam banyak menumpukan perhatian pada tema *madh* (pujian) dan jihad, aspek representasi musuh masih kurang dikaji, khususnya dari perspektif tematik dan retorik. Justeru, kajian ini

bertujuan meneliti bagaimana Ka'ab bin Mālik menggambarkan musuh Islam dalam puisinya melalui analisis tema, gaya bahasa dan konteks sejarah, bagi menyingkap nilai perjuangan serta dakwah yang terkandung di dalamnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif teksual melalui analisis tematik dan retorik terhadap puisi-puisi yang berkaitan dengan peperangan Islam awal, dengan mengambil kira konteks *Sirah Nabawiyah*. Dapatan menunjukkan bahawa musuh Islam digambarkan bukan hanya sebagai lawan fizikal, tetapi juga sebagai simbol kezaliman, kesombongan dan penentangan terhadap kebenaran. Kajian ini menegaskan peranan penting puisi Ka'ab bin Mālik dalam membina wacana perjuangan Islam serta memberikan nilai yang relevan pada masa kini dengan memperlihatkan kekuatan seni bahasa sebagai alat mempertahankan kebenaran dan maruah umat.

Kata kunci: Ka'ab bin Malik; musuh Islam; tematik; retorik; *Sirah Nabawiyah*

ABSTRACT

Early Arabic poetry functioned not merely as an aesthetic creation but also as a medium of Islamic propagation and struggle. Within this context, Ka'ab ibn Mālik emerged as a Companion-poet who embodied the spirit of Muslim perseverance and depicted the hostility directed toward the Prophet Muhammad PBUH. The theme of 'the enemies of Islam' in his poetry reflects the theological and social conflicts that characterized the early period of Islamic da'wah. Although studies of Islamic literature have largely focused on the themes of madh (praise) and jihad, the representation of enemies remains relatively underexplored, particularly from thematic and rhetorical perspectives. Therefore, this study aims to examine how Ka'ab ibn Mālik portrayed the enemies of Islam in his poetry through an analysis of theme, linguistic style, and historical context to uncover the underlying values of struggle and da'wah. Using a qualitative textual approach, this research applies thematic and rhetorical analyses to poems related to the early Islamic battles, considering the context of the Sirah Nabawiyah. The findings reveal that the enemies of Islam are portrayed not only as physical adversaries but also as symbols of injustice, arrogance, and opposition to truth. This study underscores the pivotal role of Ka'ab ibn Mālik's poetry in shaping the discourse of Islamic struggle and highlights its contemporary relevance by revealing the enduring power of language and artistic expression as instruments for defending truth and the dignity of the ummah.

Keywords: Ka'ab ibn Malik; enemies of Islam; thematic; rhetoric; *Sirah Nabawiyah*

1.0 PENGENALAN

Sastera Arab pada zaman awal Islam tidak sekadar menjadi wadah keindahan bahasa, tetapi juga berfungsi sebagai medium dakwah dan perjuangan akidah. Puisi menjadi senjata yang menggugah semangat keimanan, menegakkan kebenaran, dan

membela maruah umat Islam di tengah penentangan golongan musyrikin. Badawi (1993) menjelaskan sastera Islam menggabungkan unsur estetik dengan nilai rohani, menjadikan karya sastera bukan sekadar hiburan, tetapi juga wahana dakwah dan pendidikan akidah. Dalam konteks yang sama, Borg (2015) menegaskan bahawa puisi Arab awal dapat dianggap sebagai sumber sejarah dan ideologi yang memperlihatkan konflik sosial, agama, dan politik masyarakat Arab awal Islam.

Dalam kerangka tersebut, Ka'ab bin Malik muncul sebagai salah seorang penyair sahabat Rasulullah SAW yang memainkan peranan penting dalam membentuk wacana perjuangan Islam. Puisinya tidak hanya mencatat peristiwa peperangan, tetapi turut menggambarkan semangat jihad dan kesetiaan kepada Rasulullah SAW. Melalui gaya retorik yang tegas dan berkesan, beliau menyerang musuh-musuh Islam melalui bahasa dan makna, menjadikan puisinya sebahagian daripada *al-jihād bil-lisān* (jihad lisan) (Hamka & Safian, 2022). Keberanian Ka'ab menggunakan puisi sebagai alat dakwah memperlihatkan bahawa sastera Islam awal bukan sekadar ekspresi estetik, tetapi juga pernyataan ideologi dan keyakinan.

Namun begitu, kajian terhadap puisi sahabat seperti Ka'ab bin Malik sering tertumpu kepada aspek *madh* (pujian) dan jihad, sedangkan dimensi 'representasi musuh Islam' masih belum banyak diterokai secara ilmiah. Analisis yang menyentuh bagaimana musuh digambarkan dalam puisi dari segi tema, gaya retorik, dan konteks sejarah masih kurang diketengahkan dalam wacana sastera Islam moden. Kelemahan ini menyebabkan aspek penting tentang bagaimana penyair sahabat membentuk persepsi moral dan ideologi Islam melalui bahasa puitis masih belum difahami secara menyeluruh (Borg, 2015; Hamka & Safian, 2022).

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti bagaimana Ka'ab bin Malik menggambarkan musuh Islam dalam puisinya melalui pendekatan analisis tematik dan retorik. Objektif utama kajian ini ialah: (1) mengenal pasti tema dan citra musuh Islam yang digambarkan dalam puisi Ka'ab bin Malik, (2) meneliti strategi retorik yang digunakan bagi memperkukuh mesej dakwah, dan (3) menjelaskan nilai perjuangan dan moral yang tersirat dalam konteks *Sirah Nabawiyah*. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada bidang sastera Arab dan dakwah Islam dengan memperlihatkan bagaimana seni bahasa berperanan sebagai alat mempertahankan kebenaran dan membina kesedaran keagamaan dalam masyarakat.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Puisi Arab pada zaman awal Islam memainkan peranan penting sebagai wahana dakwah, pengukuhan iman dan alat perjuangan sosial. Ia bukan sekadar karya estetik tetapi berfungsi sebagai saluran penyebaran akidah dan ideologi Islam. Badawi (1993) menjelaskan bahawa sastera Islam sejak awal telah memadukan unsur keindahan bahasa dengan nilai keagamaan, menjadikan puisi suatu bentuk komunikasi dakwah yang berpengaruh. Dalam konteks sejarah awal Islam, syair menjadi wadah bagi para sahabat Nabi Muhammad SAW untuk mempertahankan maruah Islam daripada tohmahan kaum musyrikin dan menyebarkan semangat jihad serta persaudaraan sesama umat. Borg (2015) pula menegaskan bahawa puisi Arab awal harus dibaca bukan hanya sebagai dokumen sastera, tetapi juga sebagai sumber sejarah yang mencerminkan dinamika sosial dan konflik ideologi masyarakat Arab awal Islam.

Antara penyair sahabat yang menonjol dalam tradisi ini ialah Ka'ab bin Malik *al-Ansari*, yang menggunakan puisi bukan sekadar untuk memuji Rasulullah SAW, tetapi juga bagi menangkis serangan musuh melalui hujah puitis yang tajam. Kajian Hamka dan Safian (2022) memperlihatkan bahawa syair Ka'ab menggambarkan keberanian dan kesetiaan terhadap Islam, di samping memperlihatkan kemahiran beliau mengolah simbol dan metafora bagi memperkukuh mesej dakwah. Beberapa kajian Arab seperti oleh Isma'il (2017) meneliti struktur tematik dan nilai moral dalam *Dāliyah Ka'ab bin Mālik*, manakala Bassah et al. (2018) menekankan aspek intertekstualiti Qur'ani dalam puisi beliau sebagai strategi retorik dakwah. Tambahan pula, penyelidikan intertekstual moden seperti AbouSowa dan Arifin (2021) pada puisi Arab menunjukkan bagaimana unsur-Qur'an memainkan peranan dalam pembentukan pandangan ideologi dan retorik dalam syair Islam awal.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai tema *madh* (pujian) dan jihad dalam puisi Islam, dimensi 'representasi musuh Islam' masih belum dikaji secara sistematik. Jurang ini penting untuk difahami kerana gambaran musuh dalam puisi sahabat membentuk pandangan moral dan teologi umat Islam awal terhadap konsep keadilan dan kejahatan. Fachiroh (2024) menunjukkan bahawa dalam era Islam awal, puisi Arab - termasuk genre *hijā'* terhadap musyrikin - digunakan sebagai 'senjata' retorik terhadap musuh-musuh Islam dan sebagai alat pengukuhan identiti umat serta sokongan kepada projek dakwah, sekali gus memperlihatkan bahawa retorik permusuhan mempunyai fungsi sosial dan ideologi yang mendalam dalam sastera Islam awal.

Dari perspektif teori sastera Islam, gagasan bahawa sastera berfungsi untuk 'menegakkan kebenaran dan menolak kebatilan' selaras dengan pandangan al-Attas (1999) bahawa seni dalam Islam adalah manifestasi adab dan makrifah terhadap kebenaran Ilahi. Begitu juga al-Faruqi (1981) menegaskan sastera Islam perlu menzahirkan *tauhid* sebagai prinsip estetik tertinggi yang membezakan seni Islam daripada seni profan. Dalam kerangka ini, analisis terhadap puisi Ka'ab bin Malik tidak wajar hanya menilai aspek bentuk dan gaya bahasa, tetapi juga dimensi etika dan ideologi yang menjadi intipati estetika Islam.

Selain Ka'ab bin Mālik, tradisi *al-jihād bil-lisān* turut diwakili oleh penyair sahabat lain seperti Hassan ibn Thabit dan 'Abdullah ibn Rawahah. Kajian Hawatmeh (2017) menunjukkan bahawa syair-syair Ḥassān berfungsi sebagai senjata retorik yang mempertahankan Rasulullah SAW daripada ejekan penyair Quraisy seperti Abū Sufyān dan Ka'b ibn al-Ashraf menekankan bagaimana 'musuh' dalam puisi bukan hanya lawan fizikal, tetapi lambang kejahatan dan kesombongan.

Di peringkat terkini, kajian literatur semakin menumpu kepada elemen intertekstual dan retorik dalam puisi Arab-Islam awal. Kajian oleh Isah (2024) bertajuk, *Arabic Poetry in the Jahiliyyah and Early Islamic Period and Its Role in the Promotion of National Security* meneliti bagaimana puisi Arab berfungsi bukan sahaja sebagai ekspresi estetik, tetapi juga sebagai medium sosial-budaya dan ideologi yang membentuk kesedaran kolektif umat Islam awal. Kajian terkini seperti Hosseini et al. (2024) dan Yazar dan Batur (2025) pula menunjukkan kesinambungan antara transformasi retorik al-Qur'an dengan puisi Islam awal, menandakan bahawa struktur bahasa dan makna dalam syair sahabat berakar pada wacana wahyu.

Berdasarkan tinjauan literatur ini, jelas menunjukkan aspek representasi musuh dalam puisi sahabat masih kurang dikaji secara mendalam dari perspektif gabungan tematik dan retorik. Justeru, kajian ini mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī* secara sistematik berpaksikan konteks *Sirah Nabawiyyah* dan teori estetika Islam.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif berasaskan analisis teks dan wacana untuk meneliti representasi musuh Islam dalam puisi Ka'ab bin Malik al-Ansari. Pendekatan ini dipilih kerana bersifat interpretatif dan hermeneutik, membolehkan analisis mendalam terhadap makna tersirat serta nilai ideologi yang membentuk teks sastera Islam. Ia sesuai untuk memahami makna dan mesej yang terkandung dalam karya klasik, khususnya dalam konteks wacana dakwah, perjuangan akidah dan retorik keagamaan. Penulisan ini berhasrat menelusuri bagaimana Ka'ab membina citra musuh bukan sekadar sebagai lawan fizikal dalam peperangan, tetapi sebagai lambang ideologis kepada penentangan terhadap kebenaran dan tauhid. Melalui gabungan analisis tematik dan retorik, puisi dilihat bukan hanya sebagai manifestasi keindahan bahasa, tetapi juga sebagai teks yang menzahirkan pandangan *Islamic worldview* (dunia Islam) serta nilai moral yang mendasari perjuangan umat pada zaman awal Islam.

Sumber utama kajian ini ialah *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī: Dirāsah wa Tahqīq* oleh Sami Makki al-'Ani (1997), yang merupakan edisi ilmiah paling lengkap dan disahkan berdasarkan manuskrip klasik. Korpus ini dipilih kerana menghimpunkan keseluruhan puisi Ka'ab yang berkaitan dengan peperangan Islam awal seperti Badar, Uhud, dan Tabuk. Data dikumpul melalui proses *close reading* (pembacaan berulang) dan *open coding* (pengekodan terbuka) bagi mengenal pasti bait-bait puisi yang memaparkan gambaran musuh Islam sama ada secara eksplisit (melalui penyebutan nama-nama individu seperti Abu Jahl, Abu Sufyan dan Hind bint 'Utbah) atau secara implisit (melalui penggunaan istilah umum seperti *al-kuffar*, *al-'aduww*, dan *ahl al-shirk*). Setiap bait yang dikenal pasti dianalisis berdasarkan konteks sejarah, sirah dan makna dakwah yang tersirat di dalamnya.

Proses analisis dijalankan melalui dua pendekatan utama, iaitu analisis tematik dan analisis retorik wacana Islam. Dalam analisis tematik, kerangka Braun dan Clarke (2006) digunakan bagi mengenal pasti pola makna, simbol, dan tema berulang dalam teks. Tema-tema utama yang dikenal pasti termasuk gambaran musuh sebagai simbol kejahilan dan kesombongan, peperangan sebagai ujian iman, kemenangan moral terhadap kebatilan, serta nilai keampunan dan hidayah selepas konflik. Pendekatan ini membantu menstrukturkan tafsiran secara sistematik dan membina naratif yang selaras dengan pandangan dunia Islam serta nilai dakwah.

Sementara itu, analisis retorik wacana Islam digunakan untuk meneliti strategi bahasa dan teknik persuasif yang digunakan oleh Ka'ab dalam menyampaikan mesej keimanan dan perjuangan. Analisis memberi tumpuan kepada unsur *logos* (hujah), *pathos* (emosi), dan *ethos* (etika) yang disampaikan melalui metafora, ironi, pengulangan, simbolisme, dan seruan langsung kepada musuh. Pendekatan ini berpaksikan gagasan retorik Islam yang bertujuan menegakkan kebenaran dan menolak kebatilan, sejajar dengan pandangan al-Attas (1999) dan al-Faruqi (1981)

bahawa bahasa dalam sastra Islam berfungsi sebagai wahana penyampaian nilai tauhid, adab dan keadilan Ilahi. Analisis ini turut mengambil kira kerangka retorik klasik Arab (balaghah) seperti *tashbīh*, *isti'ārah* dan *kināyah* untuk memahami kesan estetik dan spiritual dalam syair Ka'ab.

Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dijamin melalui triangulasi sumber, iaitu perbandingan antara teks puisi, riwayat Sirah Nabawiyah, serta tafsir sejarah yang berkaitan dengan konteks peperangan. Semakan *peer debriefing* (rakan penyelidik) turut dijalankan bagi memastikan konsistensi tafsiran dan ketepatan pengekodan tema. Gabungan antara analisis tematik dan retorik ini membolehkan kajian menyingkap bukan sahaja aspek estetik puisi, tetapi juga dimensi ideologik, moral dan dakwah yang membentuk pandangan dunia Islam. Justeru, metodologi ini menyediakan asas epistemologi yang kukuh untuk meneliti bagaimana Ka'ab bin Malik mengolah citra musuh Islam melalui bahasa yang berpaksikan iman, perjuangan dan keindahan makna.

4.0 DAPATAN

Bahagian ini menghimpunkan hasil analisis teks terhadap *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī* (al-'Ani, 1997) yang memfokuskan pada penggambaran musuh Islam dalam konteks peperangan, dakwah, dan ideologi tauhid. Berdasarkan teks-teks syair yang dikaji, didapati bahawa Ka'ab bin Malik menggambarkan musuh bukan hanya sebagai pihak lawan fizikal, tetapi juga sebagai lambang keangkuhan moral, penentangan terhadap kebenaran, dan keruntuhan nilai spiritual. Dalam puisinya, konsep *al-'aduww* (العدوّ) muncul dalam dua bentuk utama: (1) musuh zahir seperti Quraisy dan tokoh-tokoh penentang dakwah Nabi Muhammad ﷺ, serta (2) musuh batin seperti kesombongan, kemunafikan, dan kelemahan iman. Dua bentuk musuh ini sering diolah secara simbolik, menggambarkan bahawa peperangan yang sebenar bukan hanya berlaku di medan Badar atau Uhud, tetapi juga dalam hati manusia yang berjuang antara kebenaran dan hawa nafsu.

4.1 Abu Jahl

Abu Jahl ('Amr ibn Hisham al-Makhzumi) merupakan tokoh utama Quraisy yang menentang dakwah Nabi Muhammad ﷺ secara terbuka. Dalam sejarah, beliau mengetuai pasukan musyrikin dalam Perang Badar dan menjadi lambang kezaliman yang berpaksikan kebanggaan suku serta kekuatan duniawi (al-Tabari, 1960; Ibn Hisham, 1995). Dalam salah satu puisi balasannya terhadap syair musyrikin, Ka'ab bin Malik mengungkapkan:

عَجِبْتُ لِأَمْرِ اللَّهِ وَاللَّهِ قَادِرٌ
عَلَىٰ مَا أَرَادَ لَيْسَ لِلَّهِ قَاهِرٌ

Aku kagum akan urusan Allah, Tuhan yang berkuasa atas segala kehendak-Nya, tiada yang mampu mengatasi kekuasaan-Nya. (al-'Ani, 1997)

Bait ini memperlihatkan keimanan Ka'ab terhadap kekuasaan Allah sebagai sumber kemenangan sebenar. Ia bukan sekadar pembuka puisi, tetapi satu pernyataan ideologi bahawa kekuatan mukmin tidak berpunca dari jumlah tentera atau senjata, tetapi daripada pergantungan kepada Allah. Puisi ini secara halus menyindir keyakinan palsu musyrikin terhadap kuasa mereka sendiri. Dalam bait lain, Ka'ab melanjutkan:

فَكُتِبَ أَبُو جَهْلٍ صَرِيحًا لَوَجْهِهِ
وَعُتِبَتْ قَدَّ عَادَرْنَهُ وَهُوَ عَائِرُ

Maka rebahlah Abū Jahl tersungkur di mukanya, dan 'Utbah telah kami tinggalkan tercela. (al-'Ani, 1997)

Bait ini menggambarkan detik kehinaan musuh utama Islam yang ditewaskan di Badar. Penggunaan kata kerja فَكُتِبَ (rebah dengan keras) membangkitkan bunyi fonetik perang. Ia membawa makna moral bahawa keangkuhan dan kezaliman akhirnya membawa kehinaan. Ka'ab turut memautkan peristiwa ini dengan firman Allah: *وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ* (al-Anfal 10) 'Dan tiada kemenangan melainkan dengan pertolongan Allah'. Ini menunjukkan unsur *iqtibās* (petikan maknawi al-Qur'an) dalam puisinya. Maka, Abu Jahl menjadi lambang kejatuhan nilai jahiliah yang berpaut pada kesombongan manusia (al-'Ānī, 1997, hlm. 112-113).

4.2 Abu Sufyan Ibn Al-Harith

Abu Sufyan ibn Ḥarb merupakan antara tokoh Quraisy yang paling berpengaruh dan lantang menentang dakwah Nabi Muhammad ﷺ sebelum akhirnya memeluk Islam (al-Tabari, 1960; Ibn Hisham, 1995). Dalam konteks peperangan, beliau menjadi simbol keangkuhan jahiliah yang bersandar pada kekuatan material dan kebanggaan kesukuan. Ka'ab bin Malik, melalui puisinya, menampilkan sosok Abu Sufyan bukan sekadar sebagai pemimpin tentera Quraisy, tetapi sebagai lambang keangkuhan yang memudar akibat kebenaran wahyu. Dalam salah satu puisinya, Ka'ab menggambarkan kejatuhan musuh dengan diksi yang sarat ironi:

فَأَصْبَحَ سُفْيَانُ فِي الْفَشْلِ الْمُهِينِ
وَحَابَتْ قُرَيْشٌ مِنْ ظَنِّ وَتَحْمِينِ

Maka jadilah Sufyan dalam kehinaan dan kelemahan, dan gagallah Quraisy dalam sangka dan harapan mereka. (al-'Ani, 1997)

Bait ini memperlihatkan bagaimana Ka'ab menstrukturkan kemenangan Islam sebagai kemenangan moral, bukan semata-mata ketenteraan. Istilah الْفَشْلِ (*al-fashal*) membawa konotasi kelemahan fizikal yang berpunca daripada kerapuhan spiritual dan hilangnya keberanian batin. Penggunaan istilah ini membentuk nada sindiran

halus (*ta'rīd*) terhadap semangat juang Quraisy yang hanya bergantung pada bilangan dan senjata, bukan iman dan tawakal.

Ka'ab turut menggunakan gaya retorik *al-muqābalah* (kontras makna) dengan menempatkan pasangan konsep yang berlawanan seperti iman ↔ kesombongan, cahaya ↔ kegelapan, dan keberanian ↔ ketakutan. Kontras ini bukan sekadar teknik gaya, tetapi suatu strategi dakwah puitis yang membina *ru'yah Islāmiyyah* (pandangan dunia Islam) bahawa kekuatan hakiki lahir daripada tauhid, bukan keturunan atau status sosial.

Nada irama bait yang teguh dan berirama simetrik mencipta kesan bunyi konfrontatif, memperkukuh mesej bahawa kemenangan mukmin bersumber daripada kekuasaan Ilahi. Ka'ab secara tidak langsung mengalihkan wacana peperangan daripada konflik fizikal kepada peperangan spiritual, menegaskan bahawa kekalahan sebenar ialah apabila hati tidak lagi berpaut kepada Allah.

Dapatan ini sejajar dengan pandangan AbouSowa dan Arifin (2021) bahawa puisi Islam awal memanfaatkan retorik keimanan sebagai instrumen ideologik untuk menolak nilai jahiliah dan menegakkan kebenaran wahyu. Maka, penggambaran Abū Sufyān dalam puisi Ka'ab bukan semata-mata catatan sejarah, tetapi kritikan terhadap sistem nilai Quraisy yang menyanjung kuasa dan status melebihi kebenaran.

4.3 Hind bint 'Utbah

Hind bint 'Utbah ibn Rabi'ah merupakan antara tokoh wanita Quraisy yang paling menonjol dalam sejarah permusuhan terhadap Nabi Muhammad ﷺ sebelum Islamnya. Beliau ialah isteri kepada Abu Sufyan ibn Ḥarb dan ibu kepada Mu'awiyah ibn Abi Sufyan. Dalam peristiwa *Ghazwah Uḥud*, Hind terkenal kerana peranannya menghasut tentera Quraisy dan menyalakan api kebencian terhadap umat Islam, sebagai usaha membalas dendam atas kematian ayahnya 'Utbah dan saudaranya al-Walīd, yang terbunuh dalam Perang Badar (Ibn Hisham, 1995; al-Mubarakfuri, 2001).

Dalam *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī*, penyair menggambarkan Hind sebagai simbol dendam dan keangkuhan jahiliah. Dalam puisinya yang meratapi kesyahidan Sayyidina Hamzah ibn 'Abd al-Muttalib, Ka'ab menulis:

وَلَقَدْ إِحْأَلُ بِدَاكَ هِنْدًا بُشِّرَتْ
لِثَمِيَّتِ دَاخِلَ عُصَّةٍ لَا تَبْرُدُ

Aku percaya bahawa Hind bergembira, membunuh sambil menyimpan dendam yang tidak pernah sejuk. (al-'Ani, 1997)

Bait ini menggambarkan kecaman moral yang halus terhadap Hind. Ka'ab menggunakan gaya *iltifāt* (peralihan sudut pandang) untuk mencipta kesan dramatik beralih daripada naratif umum kepada seruan langsung yang menuding watak Hind sebagai personifikasi kebencian.

Ungkapan *غُصَّةٌ لَا تَبْرُدُ* (dendam yang tidak sejuk) menandakan emosi dendam yang membara dan melawan nilai rahmah Islam, menjadikan Hind lambang emosi jahiliah yang belum tunduk kepada cahaya iman. Dalam bait berikut, Ka'ab menggunakan nada sarkastik yang lebih tajam, menegur tindak tanduk Hind selepas pembunuhan Sayyidina Hamzah:

أَلَا يَا هِنْدُ فَاذْكُرِي لَا تَمَلِّي
فَأَنْتِ الْوَالِدَةُ الْعَبْرَى الْهَبُولُ

Wahai Hind, menangislah tanpa jemu, engkau ibu yang kehilangan dan berdukacita. (al-'Ani, 1997)

Ungkapan ini secara permukaan kelihatan simpati, namun secara retorik merupakan *taubikh* (celaan halus). Ka'ab menggunakan gaya *tazāhum al-ma'ānī* (lapisan makna bertindih) untuk menukar nada empati menjadi sindiran: Hind menangis bukan kerana kehilangan kasih, tetapi kerana kekalahan moral dan spiritual (al-'Ani, 1997). Dalam bait berikut, Ka'ab melanjutkan dengan nada sarkastik yang lebih tajam, menegur tindak tanduk Hind selepas pembunuhan Hamzah:

أَلَا يَا هِنْدُ فَاذْكُرِي لَا تَمَلِّي
فَأَنْتِ الْوَالِدَةُ الْعَبْرَى الْهَبُولُ

Wahai Hind, menangislah tanpa jemu, engkau ibu yang kehilangan dan berdukacita. (al-'Ani, 1997)

Walau secara permukaan tampak simpati, bait ini sarat dengan *taubikh* (celaan halus). Ka'ab mengaplikasikan *tazahum al-ma'ānī* (lapisan makna bertindih) untuk menukar nada empati menjadi sindiran tragik bahawa Hind menangis bukan kerana kehilangan kasih, tetapi kerana kekalahan moral dan spiritual. Penggunaan diksi *الْوَالِدَةُ الْعَبْرَى* (wanita yang hilang arah dan menangis) menonjolkan kontras antara kekuatan zahir Hind sebagai penghasut perang dan kelemahan batinnya selepas kebenaran terserlah (al-'Ani, 1997).

Dalam konteks sejarah, Hind dilihat bukan sekadar musuh individu tetapi archetype bagi emosi jahiliah kebencian, kebanggaan suku dan dendam yang menawan hati manusia. Namun, sebagaimana Abu Sufyan, Hind akhirnya memeluk Islam selepas Fath Makkah dan termasuk dalam kalangan wanita yang berbai'ah kepada Nabi ﷺ Muhammad (al-Mubarakfuri, 2001). Hal ini memperlihatkan bahawa Ka'ab tidak hanya menulis untuk mencela, tetapi juga berdakwah. Melalui puisinya, beliau menyampaikan mesej bahawa hidayah Allah melangkaui kebencian manusia, dan bahkan musuh paling tegar mampu berubah dengan cahaya iman.

Gambaran Hind dalam puisi Ka'ab memperkukuh pola konseptual keseluruhan kajian ini: bahawa 'musuh Islam' bukan sekadar tokoh sejarah, tetapi

simbol nilai kufur, dendam dan kesombongan. Dengan gaya retorik yang berlapis antara emosi dan moral, Ka'ab menyeru umat Islam bahawa kemenangan sejati bukan terletak pada menewaskan musuh di medan perang, tetapi pada menundukkan hawa nafsu dan kesombongan yang melahirkan permusuhan itu sendiri (Hamka & Safian, 2022; Kamal & Safian, 2024).

4.4 Ka'ab ibn Al-Ashraf

Ka'ab ibn al-Ashraf ialah penyair Yahudi dari kabilah Banu al-Nadir yang terkenal dengan kebencian mendalam terhadap Nabi Muhammad ﷺ dan umat Islam. Walaupun beliau tidak terlibat secara langsung dalam peperangan bersenjata, Ka'ab memainkan peranan penting dalam peperangan psikologi dan retorik melalui syair-syair yang menghina Rasulullah ﷺ serta menghasut Quraisy untuk memerangi Islam (Ibn Hisham, 1995; al-Tabarī, 1960). Dalam konteks sejarah Islam awal, tokoh ini menjadi contoh klasik 'musuh intelektual' mereka yang menggunakan bahasa sebagai senjata untuk menyelewengkan kebenaran dan menggugat perpaduan umat.

Dalam *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī*, nama Ka'ab ibn al-Ashraf disebut secara tersirat dalam beberapa puisi yang mengecam fitnah, penghinaan dan pembohongan terhadap Nabi Muhammad ﷺ. Ka'ab bin Malik menentang propaganda ini bukan dengan caci-maki, tetapi dengan hujah moral dan dakwah. Satu daripada bait yang mencerminkan perlawanan wacana ini ialah:

قَدْ قُلْتَ بَاطِلَةً وَزِدْتَ ضَلَالَةً
وَاللَّهِ يَعْلَمُ أَنَّ قَوْلَكَ بَاطِلٌ

Engkau berkata dusta dan menambah kesesatan, sedang Allah mengetahui bahawa katamu itu palsu. (al-'Ani, 1997)

Bait ini memperlihatkan keberanian Ka'ab bin Malik menentang fitnah dengan kekuatan moral dan akidah. Penggunaan bentuk *taḥqīr* (pengecilan) pada kata *بَاطِلَةً* disertai pengulangan bunyi vokal panjang *تَالَّةٌ* menghasilkan irama kecaman yang keras dan berkesan. Dari sudut retorik, puisi ini merupakan manifestasi *al-radd bil-ḥaqq* membalas kebatilan dengan kebenaran selaras dengan firman Allah: *وَجَادِلْهُمْ وَاجِدْ لَهُمْ* *أَحْسَنُ* بِالَّتِي هِيَ *أَحْسَنُ* (al-Nahl: 125). Ka'ab turut memanfaatkan teknik *iltifāt* (peralihan sudut pandang) dan *tibyān al-ḥaqq* (*penjelasan kebenaran*) bagi memperlihatkan bahawa serangan lisan terhadap Rasulullah ﷺ adalah tanda kejahilan dan kesombongan, bukan kekuatan hujah. Dalam bait lain, beliau menulis:

يُحَاوِلُ قَوْمٌ عَدَوْوا بِأَمَانَةٍ
وَيَزْعُمُونَ أَنَّ اللَّهَ لَيْسَ يُرَاهُ

Sekumpulan pengkhianat cuba menipu amanah, seolah-olah mereka menyangka Allah tidak melihat mereka. (al-'Ani, 1997)

Bait ini dipercayai merujuk kepada pengkhianatan Ka'b ibn al-Ashraf dan sekutunya daripada kabilah Banu al-Nadir terhadap Piagam Madinah, sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Hisham (1995) dan al-Tabari (1960) yang merekodkan bahawa Ka'b memungkirkan perjanjian damai dengan Rasulullah ﷺ serta menghasut Quraisy untuk memerangi Madinah. Di sini, Ka'ab menggabungkan nilai akidah iaitu keimanan terhadap pengawasan dan *al-'ilm al-ilāhī* (pengetahuan mutlak Allah) dengan kecaman moral terhadap penipuan dan nifaq (al-Mubarakfuri, 2001). Dari aspek fonetik, rentak seimbang pada kata *عَدْرُوا* (mereka berkhianat) dan *بِرْغَم* (mereka menyangka) menegaskan kontras retorik antara keterbatasan manusia dan kemahakuasaan Ilahi, sebagaimana juga dibincangkan oleh AbouSowa dan Arifin (2021) dalam analisisnya terhadap struktur fonetik dan semantik dalam puisi Arab-Islam awal.

Secara keseluruhan, penggambaran Ka'b ibn al-Ashraf dalam puisi Ka'ab bin Malik melambangkan musuh ilmu dan lidah golongan yang menggunakan kepintaran bahasa untuk menyelewengkan kebenaran. Dalam konteks dakwah Islam, permusuhan seperti ini lebih berbahaya daripada peperangan fizikal kerana ia mengancam asas akidah dan kesatuan umat. Oleh itu, Ka'ab menegaskan bahawa perjuangan menegaskan kebenaran tidak hanya berlaku di medan perang, tetapi juga di medan kata dan makna. Seperti dinyatakan oleh Kamal dan Safian (2024), 'Ka'ab menjadikan syair sebagai mekanisme menentang fitnah dan mempertahankan kebenaran dengan kekuatan bahasa'. Dengan itu, puisi Ka'ab bin Malik berfungsi sebagai manifestasi jihad intelektual dan jihad yang bersenjatakan kalam, akidah dan hujah yang benar.

5.0 PERBINCANGAN

Analisis terhadap *Dīwān Ka'ab bin Mālīk al-Anṣārī* (al-'Ani, 1997) memperlihatkan bahawa penggambaran musuh Islam dalam puisinya berfungsi jauh melampaui naratif sejarah. Ka'ab bin Malik menampilkan konsep *al-'aduw* (*musuh*) bukan hanya dalam bentuk fizikal seperti Abu Jahl, Abu Sufyan dan Hind bint 'Utbah tetapi juga dalam bentuk simbolik yang mewakili keangkuhan, penentangan terhadap kebenaran dan pengkhianatan moral. Gambaran ini menunjukkan bagaimana penyair sahabat mengintegrasikan fungsi estetik puisi dengan prinsip dakwah serta *al-jihād bi al-lisān* (jihad melalui bahasa).

Musuh yang digambarkan dalam puisinya bukan sekadar lawan peperangan, tetapi lambang penolakan terhadap nilai tauhid. Abu Jahl misalnya menjadi citra keangkuhan jahiliah yang ditundukkan oleh kuasa Allah, manakala Hind bint 'Utbah melambangkan dendam dan kebencian yang berakar daripada kekufuran. Ka'ab menafsir tragedi peperangan sebagai simbol kemenangan moral, iaitu ketika kekuatan iman mengatasi keangkuhan duniawi. Hal ini sejajar dengan pandangan Hamka dan Safian (2022) bahawa syair-syair sahabat bukan semata-mata rekod sejarah, tetapi 'pernyataan retorik keimanan yang menegaskan kebenaran dan mengecam kezaliman'.

Dalam penggambaran Abu Sufyan ibn al-Harith, Ka'ab menonjolkan sisi transformasi seorang musuh yang akhirnya tunduk kepada hidayah. Ini membuktikan bahawa dakwah Islam tidak bersifat dendam, tetapi berpaksikan kasih dan peluang untuk insaf. Seperti dihuraikan oleh al-Mubarakfuri (2001), Islamnya

Abu Sufyan menjadi lambang rahmat yang mengatasi permusuhan. Peralihan naratif daripada permusuhan kepada persaudaraan berfungsi sebagai strategi dakwah yang menggugah jiwa, seiring pandangan Kamal dan Safian (2024) bahawa dalam puisi perang Ka'ab, nilai estetika dan spiritual berpadu membentuk 'retorik dakwah' yang menyeru kepada pemaafan dan penyatuan ummah.

Aspek retorik dakwah paling menonjol muncul dalam penentangan Ka'ab terhadap propaganda lisan musuh seperti Ka'b ibn al-Ashraf. Walaupun musuh ini tidak mengangkat senjata, serangan lisannya dianggap lebih berbahaya kerana menggugat akidah. Ka'ab membalas dengan gaya bahasa yang tegas namun beradab, menggunakan struktur *al-radd bil-ḥaqq* (membalas kebatilan dengan kebenaran) dan *tahqīr al-bāṭil* (merendahkan kebohongan). Ibn Hisham (1995) dan al-Tabari (1960) merekodkan bahawa Ka'b ibn al-Ashraf menulis syair yang menghina Rasulullah ﷺ dan menghasut Quraisy menyerang Madinah. Respons Ka'ab terhadap fitnah ini menegaskan peranan penyair Islam sebagai benteng akidah; beliau menjadikan puisi sebagai perisai iman suatu bentuk *jihad* intelektual yang menunjukkan bahawa kebenaran harus ditegakkan melalui hujah dan hikmah.

Dari sudut semantik dan gaya, puisi-puisi Ka'ab memperlihatkan keseimbangan antara unsur heroisme dan kerohanian. Setiap gambaran kemenangan tidak diukur pada jumlah tentera atau senjata, tetapi pada kebergantungan kepada Allah ﷻ. Hal ini selaras dengan firman-Nya dalam al-Anfal (8:10): وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ yang bermaksud 'Dan tiada kemenangan melainkan dengan pertolongan Allah'. Nilai ketauhidan ini menjadikan puisi Ka'ab bin Malik bukan sekadar seni bahasa, tetapi wahana pendidikan moral dan spiritual.

Dalam dimensi yang lebih mendalam, Ka'ab turut menyinggung *musuh batin* iaitu kesombongan, hawa nafsu dan kelemahan iman. Menurut al-Ghazali (t.th.) dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, musuh-musuh batin inilah yang paling berbahaya kerana melemahkan jiwa sebelum tubuh. Ka'ab menggemakan kesedaran ini melalui bait-bait yang menyeru umat agar berjihad melawan diri sebelum menentang orang lain. Dengan demikian, puisinya bukan sekadar menggambarkan perang lahiriah, tetapi juga *peperangan rohaniah* yang melahirkan nilai ihsan dan tawakkal.

Akhirnya, keseluruhan teks *Dīwān Ka'ab bin Mālik* memperlihatkan apa yang boleh disebut sebagai paradigma tauhid estetika (al-Attas, 1995) iaitu keindahan bahasa yang tunduk kepada kebenaran wahyu. Puisi berperanan mendidik, memperingati dan membentuk kesedaran iman. Dengan menggabungkan kekuatan retorik, semangat jihad dan nilai dakwah, Ka'ab bin Malik telah mengangkat puisi Islam awal sebagai wadah perlawanan yang bersifat bukan sahaja politik, tetapi juga spiritual dan intelektual.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini meneliti representasi musuh Islam dalam puisi *Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī* melalui pendekatan analisis tematik dan retorik yang berasaskan konteks *Sirah Nabawiyah*. Dapatan menunjukkan bahawa konsep *al-'aduww* (musuh) dalam puisi Ka'ab bukan sekadar menggambarkan lawan fizikal seperti Abu Jahl, Abu Sufyan, Hind bint 'Utbah, dan Ka'b ibn al-Ashraf, tetapi mencerminkan dimensi ideologik dan spiritual keangkuhan, kekufuran, dendam, serta penyelewengan moral yang

menentang nilai tauhid. Dengan ini, puisi Ka'ab berfungsi sebagai teks dakwah yang menggabungkan keindahan bahasa, hujah rasional, dan kekuatan iman.

Dari perspektif estetik dan teologi, Ka'ab memperlihatkan bahawa bahasa merupakan wahana jihad dan pembinaan akidah. Melalui strategi *al-jihād bil-lisān*, *al-radd bil-ḥaqq* dan *taḥqīr al-bāṭil*, beliau mengubah puisi daripada sekadar ekspresi emosi kepada alat penegakan kebenaran. Penggunaan unsur retorik seperti metafora, pengulangan, dan iltifāt berfungsi untuk mengukuhkan mesej dakwah dan menghidupkan semangat perjuangan moral. Analisis juga membuktikan bahawa karya Ka'ab tidak terhenti pada retorik permusuhan, sebaliknya menonjolkan nilai rahmah dan keampunan apabila musuh tunduk kepada kebenaran suatu naratif yang menyatukan estetika dengan etika Islam.

Secara konseptual, kajian ini mengesahkan wujudnya 'tauhid estetika' dalam puisi Ka'ab bin Malik iaitu penyatuan antara keindahan bahasa dan ketundukan makna kepada wahyu Ilahi (al-Attas, 1995). Puisi menjadi instrumen tarbiah, memperkukuh kesedaran moral, dan membentuk pandangan dunia Islam yang berpaksikan keadilan serta kasih sayang. Kajian ini sekali gus memperluas pemahaman terhadap peranan sastera Islam awal sebagai wacana ideologi dan sejarah spiritual umat.

Bagi penyelidikan lanjutan, disarankan agar kajian serupa diperluas kepada perbandingan antara penyair sahabat lain seperti Ḥassān bin Thābit dan 'Abd Allāh ibn Rawāḥah bagi meneliti variasi strategi retorik serta evolusi citra musuh Islam dalam tradisi puisi jihad. Penyelidikan berbantuan pendekatan stilometrik atau analisis wacana digital juga boleh dijalankan untuk mengesan corak linguistik dan intertekstualiti Qur'ānī secara lebih empirikal. Melalui pendekatan ini, nilai keindahan, hujah, dan dakwah dalam sastera Islam awal akan terus terserlah sebagai asas pembinaan tamadun ilmu dan budaya Islam yang berpaksikan kebenaran Ilahi.

Sumbangan Pengarang

Kamal, N. I. M. A., Ashari, M. Z. A. H & Muttaqin, A. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- AbouSowa, S. Y. M. & Arifin, Z. (2021). *al-Tanāṣ al-Qur'ānī fī shi'r 'Amr al-Nāmi*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 160-175.
- al-'Ani, Sami Makki (1997). *Dīwān Ka'ab bin Mālik al-Anṣārī: Dirāsah wa Taḥqīq*. Bayrut: 'Ālam al-Kutub.
- al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

- al-Attas, S. M. N. (1999). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- al-Faruqi, Ismā'īl Rājī (1981). *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan*. Herndon: International Institute of Islamic Thought.
- al-Ghazali, Abu Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (t.th.). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Bayrut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Mubarakfuri, Safiur Rahman (2001). *al-Raḥīq al-Makhtūm [The Sealed Nectar]*. Riyadh: Darussalam.
- al-Ṭabari, Abu Ja'far Muḥammad ibn Jarir. (1960). *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. al-Qahirah: Dar al-Ma'ārif.
- Badawi, M. M. (1993). Islamic literature between theory and practice. *Intellectual Discourse*, 1(1), 46-69.
- Bassah, A. Q., Buri, M. B., Diryanurd, M. & Mitwali, H. (2018). al-Dirasah al-tahliliyyah li al-tanas al-Qur'ani fi Diwan Ka'b ibn Malik. *Majallat Kulliyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah li al-'Ulum al-Tarbawiyah wa al-Insaniyyah*, 38, 64-72.
- Borg, G. (2015). Poetry as a source for the history of early Islam. *Journal of Arabic and Islamic Studies*, 15, 137-163.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Fachiroh, W. (2024). The appreciation for the poets and literary works of Arabic poetry in the early Islamic era. *International Journal of Social Service and Research*, 4(8), 1-6.
- Hamka, I. H. & Safian, N. L. (2022). The images of heroism in the poetry of Ka'ab bin Mālik and Mustofa Bisri: A comparative study. *Al-Irfan: Journal of Arabic Literature and Islamic Studies*, 5(1), 17-33.
- Hawatmeh, M. (2017). Hassan bin Thabit's poetry and his belief in Allah. *Multi-Knowledge Electronic Comprehensive Journal for Education and Science*, 3, 208-218.
- Hosseini, F., Dibaji, S. E. & Harirchi, F. (2024). Quranic and spiritual effects, poetry of Hassan bin Thabit Ansari, and architectural decorations of the early centuries of Islam. *Islamic Art Studies*, 20(52), 213-226.
- Ibn Hisham, Abu Muḥammad 'Abd al-Malik (1995). *al-Sīrah al-Nabawiyah*. al-Qahirah: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Isah, M. S. (2024). Arabic poetry in the Jahiliyyah and early Islamic period and its role in the promotion of national security. *Transactions on Sustainable Social Sciences Letters*, 2(3), 119-136.
- Isma'il, Bashar Sa'di (2017). Dāliyah Ka'ab bin Mālik al-Khazrajī al-Anṣārī: Qirā'ah naqdiyyah fī naṣ turāthī qadīm. *Majallat Ādāb al-Farāhīdī*, 29, 47-68.
- Kamal, N. I. M. A. & Safian, N. L. (2024). The heroic figures of Islam through the war poetry of Ka'ab bin Malik. *International Journal of West Asian Studies*, 16, 92-101.
- Yazar, S. & Batur, İ. (2025). Rhetorical transformation in the Qur'an and pre-Islamic poetry: A comparative analysis of space, animal, and natural figures. *Religions*, 16(9), 1186.